

**TERMA DAN SYARAT**  
**“ PELANCARAN WASIAT CIMB - KEMPEN BUNDLE PERANCANGAN LEGASI ISLAM ”**

#### Kempen

1. “Pelancaran Wasiat CIMB – Kempen Bundle Perancangan Legasi Islam” (“**Kempen**”) dianjurkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad [No Pendaftaran: 200401032872] (“**CIMB Islamic**”), dan As-Salihin Trustee Berhad [No Pendaftaran 200401031859 (670367-D)] (“**As-Salihin**”). CIMB dan/atau CIMB Islamic di sini secara kolektif dirujuk sebagai (“**CIMB**”).

#### Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).

#### Kelayakan

3. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan CIMB dengan akaun semasa/akaun semasa-i atau akaun simpanan/akaun simpanan-i CIMB (“**CIMB CASA/-i**”).
4. Walau bagaimanapun, definisi merujuk kepada klausa 3 seperti di atas adalah terbatas dan mana-mana orang/entiti seperti berikut adalah **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
  - a) bukan warganegara Malaysia;
  - b) individu di bawah 18 tahun;
  - c) individu yang mempunyai Wasiat sedia ada dengan As-Salihin; dan
  - d) individu bukan Islam.

Pelanggan CIMB yang layak untuk menyertai Kempen ini akan dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”.

#### Produk Penyertaan

**Jadual A**

| Produk Penyertaan Wasiat                                                                          | Syarikat Amanah |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Wasiat Ekspres</li> <li>• Wasiat Komprehensif</li> </ul> | As-Salihin      |

**Jadual B**

| Produk Penyertaan Pembiayaan Peribadi                                                                                                                                                                               | Pengendali Pembiayaan Peribadi |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------|
| Pembiayaan Peribadi yang terdiri daripada produk berikut yang diurus dan ditawarkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan Peribadi Awam-i (“<b>Awam-i</b>”)</li> </ul> | CIMB Islamic Bank Berhad       |

**Nota:** Hanya tertakluk kepada Pembiayaan Peribadi Awam-i yang dimohon pada Tempoh Kempen

## Mekanisme Kempen

- Untuk layak mendapat **Tawaran Harga Promosi Wasiat Ekspres dan/atau Tawaran Harga Promosi Wasiat Komprehensif** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual D**, Pelanggan yang Layak mestilah membuat permohonan untuk produk Awam-i dengan penghantaran lengkap semua dokumen yang relevan / diperlukan seperti yang dinyatakan dalam Terma & Syarat Awam-i.

**Jadual C**

| Kategori      | Jenis Kumpulan Pelanggan               | Harga Promosi Wasiat Ekspres | Harga Promosi Wasiat Komprehensif |
|---------------|----------------------------------------|------------------------------|-----------------------------------|
| Wasiat Sahaja | Massa                                  | RM 399                       | RM 1,299                          |
|               | Preferred/ CIMB@Work / Kakitangan CIMB | RM 350                       | RM 1,199                          |

**Jadual D**

| Kategori                                                                                        | Jenis Kumpulan Pelanggan              | Harga Promosi Wasiat Ekspres | Harga Promosi Wasiat Komprehensif |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|------------------------------|-----------------------------------|
| Wasiat dengan mana-mana Produk Penyertaan Wasiat Pembiayaan Peribadi di Jadual B (Jadual A + B) | Massa                                 | RM 299                       | RM 1,199                          |
|                                                                                                 | Preferred/ CIMB@Work/ Kakitangan CIMB | RM 275                       | RM 1,099                          |

**Nota:** Harga Asal Wasiat Ekspres adalah RM500 dan harga Asal Wasiat Komprehensif adalah RM1,600.

- Pelanggan yang Layak yang mengambil mana-mana Produk Penyertaan Wasiat daripada kakitangan jualan berlesen CIMB seperti yang dinyatakan dalam Jadual A layak untuk ditawarkan Harga Promosi Wasiat Ekspres atau Harga Promosi Wasiat Komprehensif seperti yang dinyatakan dalam Jadual C. Pelanggan yang Layak yang mengambil Produk Penyertaan Pembiayaan Peribadi seperti yang dinyatakan dalam Jadual B **DAN** mana-mana Produk Penyertaan Wasiat seperti yang dinyatakan dalam Jadual A daripada kakitangan jualan berlesen CIMB layak untuk Tawaran Harga Promosi Wasiat Ekspres dan Harga Promosi Wasiat Komprehensif seperti yang dinyatakan dalam Jadual D.
- Pelanggan yang Layak yang menyertai Kempen ini dikehendaki menandatangani semua dokumen standard dan mematuhi semua terma dan syarat berkaitan permohonan Produk Penyertaan, terma dan syarat tersebut adalah berasingan dengan Terma dan Syarat di sini.
- CIMB hanyalah pengedar Produk Penyertaan Wasiat dalam Jadual A yang diuruskan oleh As-Salihin, sebuah syarikat amanah yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 ("**Syarikat Amanah**").

9. CIMB adalah penaja dan pengendali Produk Penyertaan dalam Jadual B yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("Bank").
10. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas permohonan yang lewat, hilang, tidak lengkap, salah diserahkan, tertangguh, tidak boleh dibaca, rosak atau salah bagi Produk Penyertaan atau surat-menysurat berkaitan sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, pindaan, pengubahan, pemadaman, kecurian, kemusnahan atau sebaliknya melainkan perkara yang sama disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaruan yang disengajakan oleh CIMB.
11. Produk Penyertaan Wasiat adalah bukan produk CIMB dan oleh itu:
  - a) bukan kewajipan dan tidak dijamin oleh CIMB dan/atau mana-mana anak-anak syarikatnya;
  - b) CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk sebarang perkara atau tuntutan yang timbul daripada Produk Penyertaan yang disediakan oleh Syarikat Amanah; dan
  - c) Syarikat Amanah sebagai penyedia perkhidmatan berlesen Produk Penyertaan dalam Jadual A akan melaksanakan sepenuhnya kewajipan berkenaan pengurusan Wasiat.
12. Pelanggan yang Layak dan/atau pemegang kontrak adalah tertakluk kepada penilaian kredit yang akan dijalankan pada peringkat awal proses jualan/penyertaan sebelum pengesyoran Produk Penyertaan oleh wakil sah CIMB. Pelanggan yang Layak dan/atau pemegang kontrak terikat kepada Terma dan Syarat Produk tersebut dan hendaklah merujuk kepada Brosur, Lembaran Pendedahan Produk dan mana-mana bahan produk Produk Penyertaan yang lain yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang Produk Penyertaan. Brosur Produk Penyertaan boleh didapati di laman web CIMB atau boleh didapati daripada wakil yang diberi kuasa.
13. Pelanggan yang Layak dan/atau pemegang kontrak hendaklah menunjukan sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan yang berkaitan dengan Produk Penyertaan untuk penyelesaian, masing-masing di:

- a) Syarikat Amanah untuk Produk Wasiat:

**As-Salihin Trustee Berhad** [No. Pendaftaran 200401031859 (670367-D)]  
101 - 301, Block A, Glomac Business Centre No. 10, Jalan SS6/1, Kelana Jaya 47301,  
Petaling Jaya, Selangor  
No. Telefon: 03 7880 9595  
Faks: 03 7880 8190  
E-mel: general@as-salihin.com

- b) Bank untuk Produk Pembiayaan Peribadi:

**CIMB Islamic Bank Berhad** [No. Pendaftaran 200401032872) (671380-H)]  
Level 12, Jalan Stesen Sentral 50480 Kuala Lumpur City Federal Territory of Kuala Lumpur  
No. Telefon: 03-6204 7788  
E-mel: contactus@cimb.com

Laman web: <https://www.cimb.com.my/en/personal/help-support/customer-help-centre.html>

14. Syarikat Amanah dan Bank sebagai pengurus Produk Penyeretaan akan mengurus sebarang perkara yang berkaitan dengan Produk Penyeretaan.

#### Tawaran Kempen

15. Tertakluk pada terma dan syarat di sini, Pelanggan yang Layak hanya layak untuk salah satu (1) daripada tawaran di dalam **Jadual C & D** di atas.
16. Wasiat adalah produk/perkhidmatan oleh As-Salihin dan CIMB bertindak sebagai pengedarnya.
17. Setiap Pelanggan yang Layak hanya layak mendapat satu (1) langganan Wasiat pada bila-bila masa.
18. Tawaran ini tidak boleh dipindah milik dan hanya boleh ditebus oleh Pelanggan yang Layak.

#### Terma dan Syarat Am

19. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:
- a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
  - b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka dengan Terma dan Syarat ini;
  - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang melibatkan kewajipan mereka telah dijelaskan secukupnya kepada mereka;
  - d) memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta sebarang data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsikan oleh Pelanggan yang Layak dengan CIMB menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB, di pautan [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
  - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan yang Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian mana-mana kewajibannya dalam Terma dan Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
    - i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
    - ii. kegagalan elektrik;
    - iii. pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;
    - iv. sebarang bencana alam di luar kawalan CIMB; atau
    - v. sebarang faktor yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
20. Pelanggan yang Layak akan hilang kelayakan menyertai Kempen dan/atau tawaran akan dibatalkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum tawaran dipenuhi:

- a) Pelanggan yang Layak melanggar terma dan syarat yang mengawal penggunaan Produk Penyertaan Wasiat dan/atau Produk Penyertaan Pembiayaan Peribadi;
- b) pengambilan Produk Penyertaan Wasiat dan/atau Produk Penyertaan Pembiayaan Peribadi ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah yang dibuat oleh mahkamah Malaysia, atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
- c) Produk Penyertaan yang didaftarkan adalah mungkir, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau CIMB.

21. CIMB mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak yang ditentukan:

- a) mengganggu proses kemasukan; dan/atau
- b) bertindak melanggar Terma dan Syarat ini.

22. CIMB berhak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak melalui:

- a) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- b) notis di cawangan CIMB; dan/atau
- c) melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau lanjutan Kempen.

23. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian, kos atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas) akibat daripada:

- a) Penyertaan atau tidak penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen; dan/atau
- b) Sebarang *electronic direct mail* ("**eDM**") atau e-mel pemasaran yang tidak diterima atau tertunda oleh Pelanggan yang Layak.

Melainkan kerugian atau kerosakan tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.

24. Terma lain seperti yang dibentangkan dan dijamin di bawah: -

- a) CIMB berhak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak melalui:

- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
    - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
    - iii. iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
    - iv. melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
  - b) Pindaan ini akan dianggap sebagai mengikat Pelanggan yang Layak dari tarikh yang ditetapkan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
  - c) Jika perubahan itu diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, kawalan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Pelanggan yang Layak tentang perubahan ini secepat mungkin.
  - d) Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk melihat terma dan syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa dikemas kini dengan sebarang variasi kepada Terma dan Syarat ini.
25. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian, kos atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung Pindaan.
26. Pelanggan yang Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi daripada sebarang yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada Pelanggan yang Layak:
- a) menyertai Kempen; dan/atau
  - b) menerima, menebus atau menggunakan tawaran; dan/atau
  - c) melanggar atau gagal untuk mematuhi Terma dan Syarat ini;
27. Terma dan Syarat ini:
- a) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
  - b) hendaklah dibaca bersama terma dan syarat lazim produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen yang akan digunakan sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
28. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, kawalan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia lain yang berkaitan yang dipatuhi oleh CIMB.
29. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang dimilikinya dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang CIMB miliki pada masa hadapan.
30. Laman web CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman web lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan yang Layak mengklik pada Pautan Pihak Ketiga, Pelanggan yang Layak

memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan yang Layak.

31. a) Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Penyelesaian Pelanggan CIMB (“**CRU**”) untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel pada butiran berikut:-

**CIMB Bank Berhad/ CIMB Islamic Bank Berhad**

Customer Resolution Unit (CRU)

Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur

50710 Wilayah Persekutuan

Talian penting CCC: +603 6204 7788

E-mel: [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)

Laman web:

<https://www.cimb.com.my/en/personal/help-support/customer-help-centre.html>

b) Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan CIMB untuk sebarang pertanyaan berkaitan Kempen ini dan Terma dan Syaratnya di No. Telefon: +603 6204 7788 atau e-mel kepada [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com).

c) CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memberitahu Pelanggan yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

### Terma dan Syarat untuk Tawaran

32. Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Tawaran:

- a. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB menafikan sebarang representasi, waranti atau pengendorsan, tersirat atau nyata, bertulis atau lisan, mengenai tawaran di bawah Kempen.
- b. Tawaran di bawah Kempen ini disediakan oleh vendor yang berkaitan di bawah terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh vendor dan oleh itu CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) berkaitan dengan tawaran di bawah Kempen.
- c. Semua risiko, kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan penggunaan tawaran di bawah Kempen akan ditanggung oleh Pelanggan yang Layak.
- d. Pelanggan yang Layak hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk perkara berikut akibat penerimaan tawaran di bawah Kempen:
  - i. apa-apa obligasi pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai yang kena dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa; dan

- ii. untuk mendapatkan nasihat bebas tentang kemungkinan implikasi terhadap keadaan kewangannya sendiri.
- e. Pelanggan yang Layak hendaklah memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB.
- f. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyuratnya ("**Butiran Hubungan**") yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini.
- g. CIMB berhak untuk membatalkan Tawaran di bawah Kempen jika Butiran Hubungan Pelanggan yang Layak yang disimpan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemas kini.
- h. Pelanggan Layak Kempen ini dengan ini bersetuju bahawa CIMB boleh mendedahkan Butiran Hubungan mereka kepada vendor untuk memenuhi dan/atau pendaftaran tawaran di bawah Kempen.

#### Terma dan Syarat Am Lain

- 33. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas permohonan Produk Penyertaan Wasiat dan/atau Produk Penyertaan Pembiayaan Peribadi yang lewat, tidak lengkap, salah diserahkan, tertangguh, tidak boleh dibaca, rosak atau salah arah atau surat-menyurat berkaitan sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, pemadaman, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya melainkan perkara yang sama disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau CIMB atau keingkaran yang disengajakan.
- 34. Pelanggan yang Layak hendaklah mengarahkan sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan berkaitan penggunaan dan/atau pembelian/pembelian perkhidmatan Wasiat kepada As-Salihin untuk penyelesaian.
- 35. As-Salihin sebagai penyedia perkhidmatan Wasiat akan mengurus sebarang perkara yang berkaitan dengan Produk Penyertaan Wasiat.